

## ASPEK-ASPEK PEMBANGUNAN INSAN: ANALISIS KETOKOHAN BADIUZZAMAN SAID NURSI

### ASPECTS OF HUMAN DEVELOPMENT: AN ANALYSIS OF BADIUZZAMAN SAID NURSI'S CHARACTER

Norullisza Khosim<sup>1</sup>  
Azrin Ibrahim<sup>2</sup>  
Mohd Shukri Hanapi<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Calon Ijazah Doktor Falsafah, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia, (Emel: norulliszakhosim@usim.edu.my)

<sup>2</sup>Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia, (Emel: azrinibrahim@usm.my)

<sup>3</sup>Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia, (Emel: hshukeri@gmail.com)

#### Article history

**Received date** : 1-8-2021  
**Revised date** : 2-8-2021  
**Accepted date** : 19-9-2021  
**Published date** : 20-9-2021

#### To cite this document:

Norullisza Khosim, Azrin Ibrahim & Mohd Shukri Hanapi (2021). Aspek-Aspek Pembangunan Insan: Analisis Ketokohan Badiuzzaman Said Nursi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 134-146.

**Abstrak:** Pembangunan insan merupakan satu bentuk pembangunan yang perlu diberi perhatian lebih-lebih lagi dalam perihal dunia yang sedang menghadapi kemelut pandemik COVID-19. Pengabaian proses pembangunan insan yang berterusan ketika berhadapan dengan norma baharu kehidupan pada saat ini akan memberi kesan buruk yang lebih besar impaknya, bukan sahaja kepada individu tertentu malah kepada masyarakat keseluruhannya. Oleh sebab itu, kefahaman terhadap pembangunan insan dari sudut aspeknya perlu ditekankan agar pembangunan yang dijalankan tidak mengetepikan aspek-aspek sedia ada yang perlu diperteguh setiap masa. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti aspek-aspek pembangunan insan seterusnya penganalisan dilakukan terhadap ketokohan Badiuzzaman Said Nursi. Penganalisan aspek pembangunan insan berdasarkan ketokohan Badiuzzaman Said Nursi dilakukan kerana beliau mampu membangun menjadi seorang tokoh yang cemerlang walaupun berhadapan dengan pelbagai halangan dan cabaran semenjak kecil sehingga saat kematiannya, membesar dalam era penentangan dan penindasan terhadap Islam, juga dalam suasana peperangan dan pengasingan. Kajian ini mengguna pakai kajian dokumen bagi pengumpulan data dengan mengaplikasikan pendekatan analisis kandungan bagi proses penganalisan data. Hasil kajian memperlihatkan bahawa aspek pembangunan insan merangkumi lima perkara iaitu; (i) rohani, (ii) emosi, (iii) intelektual, (iv) jasmani, dan (v) sosial. Dapatan juga turut menjelaskan bahawa Badiuzzaman Said Nursi amat menitik beratkan kelima-lima aspek pembangunan insan walaupun berhadapan dengan pelbagai situasi, cabaran dan rintangan sepanjang kehidupan.

**Kata Kunci:** Badiuzzaman Said Nursi, Pembangunan Insan, Rohani, Emosi, Intelektual, Jasmani, Sosial (REIJS).

**Abstract:** *Human development is a form of development that needs to be given attention especially when the world facing the COVID-19 pandemic crisis. Neglecting the ongoing process of human development when facing the new norms of life at the present time will have a greater adverse impact, not only on certain individuals but on society as a whole. Therefore, the understanding of human development in terms of its aspects must be emphasized so that the development carried out does not set aside the existing aspects that need to be strengthened at all times. Thus, this study aims to identify the aspects of human development and then the analysis is done on the figure of Badiuzzaman Said Nursi. The analysis of human development aspects based on Badiuzzaman Said Nursi's character is done because he was able to develop into an excellent figure despite facing various obstacles and challenges from childhood until his death, growing up in the era of resistance and oppression against Islam, also in wartime and isolation. This study used document research approach for data collection by applying content analysis approach for analyzing data. The results show that the aspects of human development include five things namely; (i) spiritual, (ii) emotional, (iii) intellectual, (iv) physical, and (v) social. The findings also explain that Badiuzzaman Said Nursi places great emphasis on the five aspects of human development despite facing various situations, challenges and obstacles throughout life.*

**Keywords:** *Badiuzzaman Said Nursi, Human Development, Spiritual, Emotional, Intellectual, Physical, Social (SEIPS)*

---

## **Pengenalan**

Ketika dunia berhadapan dengan kemelut pandemik COVID-19 yang belum tentu pengakhirannya, setiap jenis pembangunan termasuk pembangunan insan (PI) berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan. Ketika ini setiap insan menerima tekanan daripada pelbagai sudut lebih-lebih lagi kehidupan dengan norma baharu yang belum pernah dihadapi sebelum ini.

Namun, perkara ini tidak boleh dijadikan alasan untuk membangun menjadi insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat kelak. Jika dilihat kepada tokoh-tokoh terkemuka terdahulu, walaupun berhadapan dengan pelbagai situasi dan cabaran sepanjang kehidupan, mereka masih mampu menjadi seorang tokoh yang amat disegani, malah dijadikan rujukan sehingga kini. Antara tokoh yang telah melalui pelbagai rencam kehidupan, namun mampu bangkit menjadi seorang tokoh yang disegani sehingga kini ialah Badiuzzaman Said Nursi.

Badiuzzaman Said Nursi merupakan seorang insan yang hidup dalam pelbagai situasi sukar sepanjang kehidupannya seperti saat Islam dalam penindasan, berhadapan pengasingan, ketika dalam peperangan, dan pernah menjadi tahanan. Namun, perkara tersebut bukanlah alasan untuk menjadi seorang insan yang lemah tetapi beliau sentiasa berusaha menjadi seorang insan yang cemerlang. Bukan hanya memikirkan kepentingan diri sendiri, malah beliau sentiasa berusaha membantu umat Islam ketika itu lebih-lebih lagi dalam mempertahankan akidah yang terkesan dengan ideologi Barat.

Oleh itu, beliau dilihat sebagai model yang boleh dijadikan inspirasi dalam proses pembangunan insan yang ingin dilaksanakan khususnya ketika mendepani kehidupan yang penuh onak dan cabaran. Hakikatnya, membina diri menjadi insan cemerlang duniawi dan ukhrawi bukanlah suatu perkara yang mudah, malah memerlukan kepada usaha yang

berterusan bermula dengan kefahaman, aplikasi dalam kehidupan, juga penyebaran ilmu kepada orang lain. Justeru, dalam konteks kajian ini, usaha pemahaman terhadap aspek-aspek PI perlu dilakukan dan diberi perhatian agar proses penerapan dan pelaksanaannya dalam diri setiap insan selari dengan acuan dan garis panduan Islam untuk mencapai pembangunan yang sebenar dengan menampilkan model daripada seorang tokoh bernama Badiuzzaman Said Nursi yang menekankan lima aspek dalam proses PI.

### Objektif Kajian

Terdapat sekurang-kurangnya dua objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu;

- i. Mengenal pasti aspek-aspek pembangunan insan.
- ii. Menganalisis aspek-aspek pembangunan insan berdasarkan ketokohan Badiuzzaman Said Nursi.

### Metodologi Kajian

Metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan dan disiplin (*Dewan Bahasa dan Pustaka*, 2017). Kaedah penyelidikan pula membawa maksud suatu pendekatan sistematik yang diguna pakai dalam kajian akademik melibatkan reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data (Cohen, Manion & Marrison, 1996). Justeru, kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan penggunaan kajian dokumen sebagai kaedah pengumpulan data dan mengguna pakai kaedah analisis kandungan bagi penganalisan data. Data-data bagi kajian ini diperolehi berdasarkan kepada literatur, jurnal, dan artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian menumpukan kepada aspek-aspek PI dengan menganalisis ketokohan Badiuzzaman Said Nursi berdasarkan aspek-aspek tersebut.

### Aspek-Aspek Pembangunan Insan

Aspek didefinisikan sebagai segi, sudut atau bahagian (*Kamus Bahasa Melayu Online*, tt). Aspek-aspek PI dalam kajian ini pula merujuk kepada sudut atau bahagian dalam diri insan yang perlu diberi penekanan dalam proses pembangunan yang dilakukan. Hakikatnya, Islam menuntut perubahan positif dan pembangunan yang menyentuh setiap aspek kehidupan (Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad, 2013) tanpa pengabaian sesuatu aspek tertentu, malah setiap perubahan, pembangunan dan kemajuan yang dilakukan perlu kepada pengembalian ke arah ajaran Islam yang diajarkan oleh junjungan Nabi Muhammad SAW (Syed Muhammad al-Naqib Al-Attas, 1977), lebih-lebih lagi apabila berkaitan dengan PI.

Dalam hal ini, PI yang menjadi fokus kajian bermaksud proses pembangunan yang berlaku dalam diri insan itu sendiri (Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad, 2013). Aspek-aspek pembangunan insan adalah merangkumi;

**Jadual 1: Aspek-Aspek Pembangunan Insan**

Sumber	Aspek-Aspek Pembangunan Insan
(Saharia Ismail, 2015; Kamarul Azmi Jasmi, 2016)	Penciptaan insan terdiri daripada pelbagai aspek yang merangkumi jasmani, emosi, rohani, intelektual, dan sosial.
(Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin, 2012)	Pembangunan insan meliputi rohani dan jasmani, serta dunia dan akhirat.
(Noor Shakirah Mat	Pembangunan rohani sebagai teras dan titik tolak kepada

<b>Akhir &amp; Muhammad Azizan Sabjan, 2014; Kamarul Azmi Jasmi, 2016).</b>	pembangunan bersepadu.
<b>(Norsaleha Mohd Salleh &amp; Noor Hafizah Mohd Haridi, 2016)</b>	Pembangunan emosi perlu diberi perhatian kerana pengabaian aspek ini memberi kesan kepada gangguan hati dan mental seterusnya kemurungan dan pelbagai permasalahan lain.
<b>(Mazlini Adnan et al, 2016),</b>	Pembangunan intelektual merupakan keperluan dalam memperkasa PI.
<b>(Faizatul Najihah Mohd Azaman &amp; Faudzinaim Badaruddin, 2015).</b>	Pembangunan jasmani dan sosial tidak boleh dipinggirkan kerana ketamadunan insan yang baik bermula daripada PI yang menekankan aspek dalaman dan luaran yang seimbang.
<b>(Muhammad Hilmi Jalil &amp; Fakhrul Adabi Abdul Kadir, 2013)</b>	Pembangunan jasmani merupakan langkah awal dan keperluan asas dalam PI sempurna.
<b>(Fazni Mat Ariffin, 2020)</b>	Pembangunan sosial yang berkait rapat dengan elemen PI perlu diberi penekanan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat lima aspek utama dalam proses PI yang ingin dilaksanakan iaitu merangkumi rohani, emosi, intelektual, jasmani, dan sosial (REIJS). Aspek-aspek ini dilihat saling bersangkutan antara satu sama lain. Walaupun sesuatu aspek dianggap teras dan keperluan asas dalam PI, pengabaian kepada salah satu aspek perlu dijauhkan kerana kehilangan sesuatu aspek akan membawa kepada kegagalan menggapai kecemerlangan dan kesejahteraan yang sebenar dalam PI.

Dengan kepelbagaian ini, pembangunan setiap aspek perlu dilakukan demi menjamin pembangunan holistik, malah merupakan suatu keperluan yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan di dunia dan akhirat (Mohd Roslan Mohd Nor & Zaiton Mustafa, 2018). Hal ini juga perlu diberi penekanan kerana proses membina dan membentuk insan yang seimbang dan holistik menuntut satu usaha yang berterusan dan konsisten pada setiap peringkat agar tidak berlaku sebarang kepincangan dalam pelaksanaannya (Saharia Ismail, 2015).

PI yang dilaksanakan juga perlu bergerak seiring dengan pembangunan lain dan tidak boleh diasingkan kerana insan merupakan watak penting dalam sesebuah pembangunan (Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Khairul Naim Che Nordin, 2012). Selain itu, pembangunan lima aspek ini perlu dilaksanakan berteraskan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah kerana pembangunan berteraskan Islam ini menghasilkan natijah yang lebih luas berbanding mengguna pakai model pembangunan lazim (Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad, 2013; Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, 2009).

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Dalam bahagian ini, dua perkara utama akan dibincangkan iaitu; pertama, ketokohan Badiuzzaman Said Nursi, dan kedua, analisis aspek-aspek pembangunan insan berdasarkan ketokohan Badiuzzaman Said Nursi. Perkara ini dilakukan bagi melihat hubung kait antara keduanya dan penekanan aspek-aspek PI dalam proses pembangunan yang dilakukan dalam diri beliau.

### **Ketokohan Badiuzzaman Said Nursi**

Pelbagai rencam kehidupan telah dilalui oleh Badiuzzaman Said Nursi semenjak kecil hingga ke akhir hayatnya membantu membentuk beliau menjadi seorang tokoh yang amat disegani. Ketokohan beliau dapat dilihat daripada pelbagai sudut antaranya sebagai; seorang pelajar, pendidik, insan berakhlak mulia, juga *mujaddid* dan mufasir.

Pertama, ketokohan Badiuzzaman Said Nursi dapat dilihat ketika beliau seorang pelajar. Beliau mempunyai kebolehan membaca dan memahami kandungan kitab dengan baik tanpa pertolongan daripada sesiapa, serta mampu menjawab persoalan yang diajukan dengan jelas dan tepat, sehingga dikisahkan beliau mampu membaca hampir dua ratus helaian mukasurat atau lebih dalam sehari daripada matan kitab *Jam'u Al-Jawami'*, *Syarhu Al-Mawaqif*, dan *Ibn Hajar*. Selain itu, beliau juga mempunyai hafalan yang sangat baik (Badiuzzaman Said Nursi, 2013).

Kecerdasan dan kepintaran intelektual Badiuzzaman Said Nursi juga dapat dilihat melalui bidang penguasaan yang diceburi, tidak terhad kepada bidang agama malah melangkaui bidang Sains Moden dengan amat baik dalam jangka masa yang singkat, serta dengan sendirinya tanpa pertolongan daripada mana-mana pihak (Badiuzzaman Said Nursi, 2013). Wan Jaffree Wan Sulaiman (1987) turut menekankan bahawa Badiuzzaman Said Nursi memiliki kepintaran amat luar biasa dan keupayaannya menguasai pelbagai ilmu dapat dilihat dalam diri beliau ketika masih di usia muda, malah mampu melakukan perdebatan ilmiah bersama para ulama sehingga mendapat pujian daripada mereka. Pada suatu ketika dalam fatrah menuntut ilmu, beliau tekad untuk pergi ke Baghdad menziarahi para ulama di sana dengan hanya berjalan kaki siang dan malam menyusuri gunung dan hutan belantara (Badiuzzaman Said Nursi, 2013)

Kedua, ketokohan Badiuzzaman Said Nursi dilihat ketika beliau bergelar seorang pendidik. Beliau memiliki tahap penguasaan yang amat baik terhadap pelbagai ilmu pengetahuan, malah turut sama berkemampuan menjawab sebarang persoalan tanpa keraguan sepertimana yang telah berlaku ketika beliau masih bergelar pelajar yang memiliki kemampuan luar biasa. Pada tahap ini, beliau sentiasa melakukan perkongsian ilmu dengan cara memberi ceramah, nasihat dan bimbingan kepada masyarakat (Badiuzzaman Said Nursi, 2013).

Perkongsian ilmu dilakukan tidak terhad kepada mereka yang hampir dengan beliau, tetapi beliau turut mengembara dari satu puak ke puak, satu tempat ke tempat yang lain demi mendidik, membimbing dan mengajar (Badiuzzaman Said Nursi, 2013). Bukan sahaja masyarakat biasa, malah beliau turut sama memberi ceramah agama dalam bidang ilmu yang merangkumi ilmu agama dan Sains Moden kepada tawanan perang di sebuah khemah ketika beliau turut sama menjadi tahanan perang di Kostroma, pada tahun 1916M (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987).

Kaedah yang digunakan dalam penyampaian ilmu adalah dengan pengintegrasian ilmu agama dengan ilmu Sains Moden supaya tidak berlaku ketaksuban dalam kalangan para pelajar dan melindungi mereka daripada kukufuran, yang dilihat bersesuaian dengan keperluan situasi semasa. Kaedah yang digunakan ini juga berlainan dengan kaedah diguna pakai oleh para pendidik pada ketika itu (Badiuzzaman Said Nursi, 2013). Ketokohan beliau juga sebagai seorang pendidik dilihat kepada usahanya yang berterusan dalam membangunkan sebuah

universiti baru di Turki Timor dengan menekankan kepentingan pembangunannya kepada masyarakat setempat (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987).

Ketiga, selain ketokohan Badiuzzaman Said Nursi sebagai pelajar dan pendidik, beliau juga merupakan seorang hamba dan khalifah Allah SWT yang berakhlak mulia. Sifat dan akhlak mulia yang dimilikinya dapat dilihat dari sudut hubungannya dengan Allah SWT, interaksi dengan sesama insan, malah dengan makhluk lain (Badiuzzaman Said Nursi, 2013). Badiuzzaman Said Nursi merupakan seorang yang merendah diri, berakhlak mulia dan menolak kezaliman semenjak kecil lagi, malah akhlak-akhlak ini telah tersemat dalam dirinya sehingga beliau dewasa (Badiuzzaman Said Nursi, 2013). Sebagai contoh, dalam menuntut keadilan dan menegakkan sebuah kerajaan berpelembagaan yang berlandaskan Islam, beliau sama sekali menolak sebarang kezaliman, penindasan, dan kekejaman demi mencapai setiap yang dihajatkan (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987).

Selain itu, ketokohan Badiuzzaman Said Nursi dilihat apabila beliau digelar seorang *mujaddid* dan mufasir. Pemerintahan bersandarkan kepada pengaruh Barat telah berlaku saat kejatuhan Turki Uthmaniyyah yang seterusnya diambil alih oleh Kamal Atartuk. Ketika itu, beliau muncul menolak dan menentang dengan tegas segala bentuk pemerintahan yang dibawa dan berusaha mengembalikan kefahaman masyarakat kepada ajaran Islam (Badiuzzaman Said Nursi, 2013). Pengembalian kepada Islam dilakukan dengan cara pemantapan ilmu dan kefahaman terhadap kitab suci al-Qur'an dengan metod pengintegrasian ilmu Islam dan Sains Moden yang menjadi pegangan beliau, selari dengan peredaran zaman dan realiti semasa (Amad Kazim Muhammad Saleh, 2015).

Selain itu, usaha-usaha beliau dilihat dalam pengendalian kelas-kelas pengajian al-Qur'an, penulisan risalah-risalah berkaitan pentafsiran al-Qur'an yang akhirnya dikumpulkan menjadi kitab *Kuliyat Rasail Al-Nur*. Usaha ini dilakukan demi pengembalian umat kepada ajaran Islam yang sebenar, juga menyelamatkan akidah umat Islam pada ketika itu yang berhadapan dengan kemelut keimanan dan keruntuhan akhlak (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987).

### **Analisis Aspek-Aspek Pembangunan Insan Berdasarkan Ketokohan Badiuzzaman Said Nursi**

Berdasarkan ketokohan Badiuzzaman Said Nursi yang telah dinyatakan sebelum ini, aspek-aspek pembangunan insan yang merangkumi rohani, emosi, intelektual, jasmani dan sosial telah dikenal pasti dalam ketokohan beliau. Perkaitan lima aspek tersebut dihurai berdasarkan ketokohan Badiuzzaman Said Nursi seperti berikut:

#### **Pembangunan Rohani**

Pembangunan rohani atau spiritual merupakan salah satu aspek PI, malah merupakan pembangunan paling asas sebelum pembangunan fizikal. Pembangunan rohani adalah sinonim dengan setiap amalan dilakukan bagi tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT (Emie Sylviana Mohd Zahid, 2019). Pembangunan rohani juga merupakan antara strategi awal yang digunakan oleh Rasulullah SAW setelah para sahabat memeluk Islam iaitu dengan memperteguh aspek rohani kerana rohani yang kuat dapat membentuk keperibadian yang hebat (Azimah Abdullah & Mohd Farid Mohd Sharif, 2019), dan membantu membentuk akhlak yang terpuji (Ghazali Darusalam, Zainal & Naemah, 2014).

Berdasarkan ketokohan Badiuzzaman Said Nursi, elemen kerohanian amat diberi penekanan dalam pembangunan yang dilaksanakan. Perkara ini dapat dilihat kepada didikan awal ibunya, Nuriyah yang amat menitik beratkan pembangunan rohani, bukan hanya didikan ini ditekankan kepada anaknya, malah Nuriyah sendiri melakukannya dengan cara sentiasa mendirikan solat tahajjud pada malam hari tanpa meninggalkannya. Hal ini merupakan faktor utama pembangunan rohani dan juga intelektual yang dikecapi oleh Badiuzzaman Said Nursi (Badiuzzaman Said Nursi, 2013).

Elemen kerohanian ini juga dapat dilihat dalam diri Badiuzzaman Said Nursi yang amat menjaga hubungannya dengan Allah SWT dengan menjaga hak-hak Allah SWT. Bukan sahaja banyak mengisi masa pada sebahagian malamnya dengan mendirikan solat dan bermunajat kepada Allah SWT, malah sedikit tidurnya ketika bergelar seorang pelajar (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987). Beliau amat menjaga hubungannya dengan Allah SWT sehingga sanggup meninggalkan politik yang diceburi kerana telah memberi kesan terhadap hubungannya dengan Allah SWT.

Selain itu, beliau merupakan seorang yang menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah petunjuk dan rujukan dalam kehidupan dan pemikirannya (Nur Najihah Ismail & Syed Hadzrullathfi Syed Omar, 2015), malah mengajak umat Islam kepada pengembalian terhadap ajaran al-Qur'an bagi memperkukuh pembangunan rohani. Beliau turut sentiasa mempertahankan al-Qur'an sebagai sumber rujukan utama dan berusaha membuktikan bahawa kitab suci al-Qur'an adalah benar dan merupakan wahyu Allah SWT sekalipun menerima ancaman dan tentangan daripada pihak musuh yang pelbagai (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987). Perkara ini dapat dilihat dalam setiap usahanya dengan penyampaian majlis-majlis ilmu dan penulisan risalah-risalah kebenaran, malah kitabnya *Kuliyat Rasail Al-Nur* merupakan sebuah manifestasi usaha beliau dalam membantu membentuk keperibadian mulia (Muhammad Suhaib Ahmad Zahir & Mohd Farid Mohd Sharif, 2020). Menariknya, beliau turut menganggap dunia ini sebagai tempat persinggahan sementara dan kemewahan duniawi tidak dapat mendatangkan kegembiraan buat dirinya yang melihat kehidupan akhirat lebih bermakna daripada segalanya (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987).

Jelas di sini bahawa, Badiuzzaman Said Nursi memberi fokus kepada pembangunan rohani, dan perkara ini dapat dilihat bermula dengan amalan dan didikan ibunya sehingga dipraktikkan beliau sendiri dalam kehidupannya yang dapat dilihat kepada hubungannya dengan Allah SWT, juga usaha-usaha yang dilakukan demi kemaslahatan diri dan umat daripada terjerumus ke lembah kemunggaran yang akhirnya akan membawa kerugian besar bukan sahaja di dunia ini, malah di akhirat kelak.

### **Pembangunan Emosi**

Pembangunan emosi juga merupakan salah satu daripada tuntutan aspek PI. Emosi bermaksud perasaan jiwa yang kuat seperti sedih, gembira, takut dan lain-lain (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2017). Emosi juga ditakrifkan sebagai satu keadaan yang dialami oleh manusia yang melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi, diri dan psikologi atau juga merupakan hasil reaksi kognitif terhadap situasi spesifik (Ghazali Darusalam, Zainal & Naemah, 2014). Pembangunan emosi dengan pengurusan yang terurus dan baik membantu membina insan yang berkualiti dan berhemah dalam tindakannya, malah turut sama memberi kesan kepada pencapaian akademik yang lebih baik daripada orang lain (Irma Kaarina Ghosn, 2001).

Perkara ini dapat dilihat dalam diri Badiuzzaman Said Nursi yang amat cemerlang dalam keilmuwannya, malah turut sama dapat dilihat dalam perlakuan dan tindakannya yang bukan sahaja untuk kepentingan dirinya, malah turut memberi kesan positif kepada orang lain. Wan Jaffree Wan Sulaiman (1987) menjelaskan bahawa Badiuzzaman Said Nursi merupakan seorang yang tegas dengan pendiriannya, berani menyatakan penentangan untuk memartabatkan Islam, namun beliau amat membenci sebarang jenis kekejaman, kezaliman dan penindasan demi mencapai sesuatu matlamat yang diinginkan.

Walaupun berhadapan dengan pelbagai rencam kehidupan, beliau mampu menjadi seorang yang matang dalam berfikiran, tegas dalam pendirian, lantang dalam percakapan, cekal dalam perjuangan dan kental jiwa menghadapi setiap halangan dan rintangan kehidupan (Badiuzzaman Said Nursi, 2013).

Jelas di sini, bahawa pembangunan emosi mempunyai perkaitan kuat dalam PI dengan menjadikan seseorang insan itu mampu mengawal dan memandu diri serta orang lain ke arah kebaikan, malah mampu menjadi insan cemerlang dalam setiap lapangan. Perkara ini jelas kelihatan dalam ketokohan Badiuzzaman Said Nursi yang amat cemerlang dalam setiap perkara dan tindakan yang dilakukan.

### **Pembangunan Intelektual**

Pembangunan intelektual juga merupakan salah satu aspek PI. Intelek didefinisikan sebagai kemampuan (daya) berfikir dan memahami (menganalisis dan sebagainya) (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2017). Intelek juga diertikan sebagai kemampuan mental dalam menghuraikan sesuatu perkara (Ghazali Darusalam, Zainal & Naemah, 2014).

Pembangunan intelektual dan kecerdasan minda dapat dilihat dalam diri Badiuzzaman Said Nursi yang terbentuk bermula daripada didikan awal ibunya, Nuriyah yang amat menekankan pendidikan ilmu kepada beliau semenjak usia kecil, malah Badiuzzaman Said Nursi sendiri menekankan ilmu yang dipelajari daripada ibunya itu kekal segar dalam ingatannya dan tersemat teguh dalam dirinya (Badiuzzaman Said Nursi, 2013).

Kecerdasan intelektual Badiuzzaman Said Nursi berlaku lantaran persoalan-persoalan yang sentiasa berlegar dalam ruang fikiran. Sewaktu kecilnya, dalam mencari jawapan terhadap sesuatu permasalahan, beliau sentiasa mengajukan persoalan kepada para ulama yang hadir dalam majlis ilmu yang diadakan di rumah ayahnya, Mirza, malah seiring usianya yang meningkat remaja, beliau sentiasa berusaha dengan sendirinya mencari jawapan bagi setiap persoalan dengan meneliti kitab-kitab berkaitan (Badiuzzaman Said Nursi, 2013). Penglibatan beliau dalam majlis-majlis ilmu dan ta'lim, sesi *musyawarah* (pertemuan) dan *muqabalah* (pertemuan) dengan para ulama', hakikatnya telah memberi impak positif kepada penyuburan jiwa dan kecerdasan intelektual, serta mempengaruhi perwatakannya (Wan Rashidah Hanim Wan Mohamad, 2015; Faridah Mohd Sairi, 2012).

Kecerdasan beliau juga dapat dilihat dalam kemampuan membaca kitab dengan sendirinya, memahani isi kandungan tanpa penerangan daripada orang lain, kekuatan hafalan, dan kemahiran dalam perdebatan sehingga mendapat pujian dalam kalangan para ulama dan para guru saat beliau bergelar seorang pelajar (Badiuzzaman Said Nursi, 2013). Selain itu, perkara ini dapat dikenal pasti dengan jelas apabila pengintegrasian bidang ilmu agama dan Sains Moden dilakukan untuk lebih memahami bidang-bidang ilmu yang dipelajari dengan baik



(Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987). Kepentingan pengintegrasian dan keseimbangan ilmu yang diperolehi hakikatnya mampu menjaga kelestarian segenap aspek yang terkait dalam proses pembangunan insan, masyarakat, negara dan tamadun keseluruhannya (Khatijah Othman et al, 2017).

Dapat disimpulkan bahawa, penekanan elemen kefahaman dan perkongsian amat dititik beratkan dalam proses pembangunan intelektual Badiuzzaman Said Nursi. Pembangunan intelektual Badiuzzaman Said Nursi telah berlaku semenjak usia kecilnya ketika beliau masih dalam asuhan ibubapanya dengan sering melontarkan persoalan, mengembara daripada satu tempat ke tempat lain untuk menuntut ilmu daripada para ulama terkemuka seiring peningkatan usia, juga sentiasa melakukan perdebatan ilmiah dengan para ulama. Realitinya, didikan daripada kedua ibubapa, rehlah dan perdebatan ilmiah yang dilakukan membantu beliau memiliki kecerdasan intelektual luar biasa sehingga diberi gelaran ‘Badiuzzaman’ yang bermaksud keunggulan zaman ketika berusia enam belas tahun oleh ulama besar Turki (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1983).

### **Pembangunan Jasmani**

Selain pembangunan rohani, emosi, dan intelektual, pembangunan jasmani merupakan salah satu aspek yang perlu diberi penekanan dalam proses PI. Jasmani bermaksud tubuh badan atau benda dan ia berlawanan dengan rohani (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2017). Ciri-ciri unsur jasmani ialah kecergasan fizikal dan kesihatan diri, serta dapat menggunakan anggota dan tenaga fizikal untuk berdikari dan hidup bermasyarakat (Ghazali Darusalam, Zainal & Naemah, 2014). Hakikatnya, Allah SWT telah menciptakan insan dengan sebaik-baik penciptaan sepertimana dijelaskan dalam Surah Al-Tin, ayat keempat yang bermaksud: ((*Sesungguhnya benar, kami ciptakan insan dengan bentuk yang sebaik-baiknya*)).

Berdasarkan ketokohan Badiuzzaman Said Nursi, beliau merupakan seorang yang amat menjaga jasmaninya. Perkara ini dikenal pasti daripada cara pengambilan makanan halal yang tidak berlebihan, melakukan riadah antaranya dengan berjalan dari satu tempat ke tempat lain ketika beliau merupakan seorang pelajar, dan dalam pada masa yang sama sentiasa melakukan solat malam dan ibadah lain yang membantu membina fizikal yang sihat (Badiuzzaman Said Nursi, 2013). Perkara ini turut ditekankan oleh Wan Jaffree Wan Sulaiman (1987) dengan menyatakan bahawa Badiuzzaman Said Nursi memiliki tubuh badan yang tegap dan sihat, malah seorang yang cekap menunggang kuda dan penembak yang baik.

Jelas di sini, pembangunan jasmani yang merupakan antara aspek PI amat dititik berat dalam kehidupan beliau dengan memiliki tubuh badan yang sihat menerusi pelbagai cara atau riadah yang dilakukan iaitu dengan berjalan kaki, penembak yang baik, dan menunggang kuda. Hal ini kerana, aktiviti riadah amat penting dalam kehidupan kerana dengannya membantu seseorang insan menjadi seorang mukmin yang sihat dan kuat (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2016)

### **Pembangunan Sosial**

Aspek lain bagi PI ialah aspek pembangunan sosial. Pembangunan sosial merupakan satu proses pembangunan yang memberi penekanan kepada insan dan sistem sosialnya serta dikaitkan dengan tumpuan kepada pengisian nilai-nilai dalam program atau aktiviti yang dijalankan (Zahir Zainudin, 2015). Menurut Zahir Zainudin (2015) lagi, pembangunan sosial

adalah amat penting kerana menjadi pengimbang kepada pertumbuhan dan kemajuan ekonomi, seterusnya pembangunan negara.

Realitinya, proses pembangunan sosial Badiuzzaman Said Nursi telah bermula sejak masih kecil ketika beliau turut sama dalam kelas pengajian yang dilakukan ayahnya, Mirza di rumahnya sendiri. Perkara ini berterusan sehingga beliau keluar menuntut ilmu daripada para ulama bidang agama bidang Sains Moden (Badiuzzaman Said Nursi, 2013), namun terbatas dalam lingkungan pencarian ilmu dan perdebatan ilmiah sahaja.

Walau bagaimanapun, setelah beliau bergelar seorang pendidik, beliau semakin mula rapat dengan masyarakat luar dengan cara perkongsian ilmu yang dimiliki sebagaimana yang telah dijelaskan dalam ketokohnya sebagai seorang pendidik (Badiuzzaman Said Nursi, 2013). Selain aktiviti sosial dengan mengadakan kelas-kelas pengajian, beliau juga turut memiliki hubungan baik dengan pemerintah dan mereka yang terlibat sama dalam bidang politik (Badiuzzaman Said Nursi, 2013).

Dalam hubungan sosial, Badiuzzaman Said Nursi sangat menjaga akhlaknya dengan penerapan nilai-nilai Islam saat berurusan dengan sesama insan. Tatkala berinteraksi dengan para wanita sebagai contoh, beliau sentiasa menjaga adab dengan memelihara matanya saat berhadapan dengan mereka (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987). Dalam kisah lain, beliau amat berhemah apabila berhadapan dengan seorang pemabuk yang dalam perjalanan ke tempat pelacuran. Beliau melontarkan senyuman dan menuturkan salam sebelum dengan penuh rasa cinta dan kasih sayang menegur pemabuk itu agar kembali ke rumah, mandi, bertaubat dan mendirikan solat (Badiuzzaman Said Nursi, 2013). Beliau juga amat mengambil berat akan kebajikan umat Islam dengan bersama-sama para mujahidin dalam peperangan yang berlaku ketika itu (Wan Jaffree Wan Sulaiman, 1987).

Berdasarkan penjelasan di atas, sesungguhnya penekanan pembangunan sosial Badiuzzaman Said Nursi telah diberikan semenjak usia kecilnya apabila beliau turut sama dalam pengajian yang disertai oleh para ulama dan masyarakat di rumah ayahnya, serta berterusan sehingga akhir hayatnya. Dalam pembangunan sosial beliau, penekanan sistem nilai-nilai Islam dilakukan, dan tidak hanya mementingkan kebajikan diri sendiri, malah amat mengambil berat akan kebajikan masyarakat dan umat Islam pada ketika itu.

### **Kesimpulan**

Hakikatnya, aspek-aspek pembangunan insan yang terdiri daripada rohani, emosi, intelektual, jasmani, dan sosial merupakan perkara yang perlu diberi perhatian, difahami, seterusnya diaplikasi dalam kehidupan sepanjang proses membina dan membentuk insan yang berkeperibadian tinggi, juga cemerlang duniawi dan ukhrawi. Badiuzzaman Said Nursi merupakan antara tokoh yang amat menitik beratkan aspek-aspek PI sepanjang kehidupannya walaupun hidup dalam situasi peperangan, pengasingan dan penindasan. Namun, situasi-situasi tersebut tidak memberi kesan negatif malah menjadikannya pendorong dalam membentuk jati diri berkualiti pada keluarga, masyarakat dan tamadun keseluruhannya. Kefahaman dan aplikasi yang sebenar memberi impak maksima yang positif kepada beliau sehingga mampu bangkit menjadi seorang tokoh yang amat disegani dalam kalangan para ulama muktabar ketika zaman beliau sehingga kini. Justeru, dalam situasi pandemik yang dihadapi ketika ini, janganlah ianya menjadi penghalang untuk bangkit menjadi insan yang

berkualiti, tetapi menjadikannya titik tolak dan dorongan yang membantu membina dan membentuk jati diri yang terpuji.

### Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang telah memberikan tajaan biasiswa bagi menjalani pengajian pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang Al-Qur'an dan Al-Sunnah dalam Pengurusan Pembangunan.

### Rujukan

Al-Qur'an.

- Azimah Abdullah & Mohd Farid Mohd Sharif. (2019). The Concept of Islamic Personality and Spiritual Development. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol. 9(9), 936–949.
- Badiuzzaman Said Nursi. (2013). Sirah Al-Dzatiyyah. Terjemahan: Ihsan Qasim al-Salihi. Kaerah: Sozler Publications.
- Cohen, L. Manion, L. & Morrison, K. (1996). A Guide to Teaching Practice 4th Edition. New York: Routledge.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Diakses pada 24 Julai 2021 daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=metodologi>
- Emie Sylviana Mohd Zahid. (2019). Pembangunan Spiritual: Konsep dan Pendekatan Dari Perspektif Islam. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*. Vol. 2, 64-87.
- Faizatul Najihah Mohd Azaman & Faudzinaim Badaruddin. (2015). Nilai-Nilai Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Ghazali. *UMRAN - International Journal Of Islamic And Civilizational Studies*, Vol. 3(1).
- Faridah Mohd Sairi. (2012). Metode Dakwah Badiuzzaman Said Nursi dan Pengaruhnya di Turki. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Fazni Mat Ariffin. (2020). Mendepani Kemajuan Negara Melalui Pembangunan Sosial. Diakses pada 24 Julai 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/02/653722/mendepani-kemajuan-negara-melalui-pembangunan-sosial>
- Ghazali Darusalam, Zainal & Naemah. (2014). Pembangunan Model Pentaksiran Jasmani, Emosi, Rohani, Intelektual (JERI) Di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia & Indonesia. Diakses pada 24 Julai 2021 daripada [https://www.researchgate.net/publication/305388631\\_Pembangunan\\_Model\\_Pentaksiran\\_Jasmani\\_Emosi\\_Rohani\\_Intelek\\_JERI\\_Di\\_Institut\\_Pengajian\\_Tinggi\\_Awam\\_Malaysia\\_Indonesia](https://www.researchgate.net/publication/305388631_Pembangunan_Model_Pentaksiran_Jasmani_Emosi_Rohani_Intelek_JERI_Di_Institut_Pengajian_Tinggi_Awam_Malaysia_Indonesia)
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi. (2009). Human Capital Development And Organizational Performance: A Focus On Islamic Perspective. *Jurnal Syariah*. Vol. 17(2).
- Irma Kaarina Ghosn. (2001). Naturing Emotional Intelligence Through Literature. *FORUM*, Vol. 39(1), 10.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2016). Pembangunan Insan daripada Perspektif Islam. Dalam Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 102-107). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendiakiawan Pendidikan Islam Malaysia (AIES).
- Kamus Bahasa Melayu Online. (tt). Diakses pada 20 Ogos 2021 daripada <https://kamusbm.com/?s=aspek>

- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Diakses pada 20 Ogos 2021 daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=emosi>
- Khatijah Othman, et al. (2017). Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH): Ke Arah Melahirkan Generasi Seimbang Untuk Pembangunan Negara. *Al-Abqari*. Vol. 12. Special Edition.
- Mazlini Adnan, et al. (2016). Memperkasa Pembangunan Modal Insan Malaysia Di Peringkat Kanak-Kanak: Kajian Kebolehlaksanaan dan Kebolehintegrasian Pendidikan STEM Dalam Kurikulum PERMATA Negara. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal Of Society And Space*, Vol. 12(1).
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia. Diakses pada 24 Julai 2021 daripada [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00002849\\_82304\\_82803.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00002849_82304_82803.pdf).
- Mohd Roslan Mohd Nor & Zaiton Mustafa. (2018). Pembangunan Individu Menurut Ibnu Sina: Analisis Terhadap Karya-Karya Terpilih. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, Vol 13(1), 534-548.
- Muhammad Hilmi Jalil & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2013). Kepentingan Kesihatan Diri Dalam Pembangunan Insan: Analisis Karya Falsafah Hamka. *Jurnal Hadhari*, Vol. 5(2), 69-84.
- Muhammad Suhaib Ahmad Zahir & Mohd Farid Mohd Sharif. (2020). Pemurnian Tauhid Di Turki: Analisis Terhadap Usaha Badiuzzaman Said Nursi. *MANU*, Vol. 31(2), 217-221.
- Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan. (2014). Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus. *Journal of Human Capital Development*, Vol. 7(1), 33-47.
- Nooraini Othman. (2018). Keseimbangan Personaliti Dan Akademik Sebagai Teras Pembangunan Modal Insan. Diakses pada 24 Julai 2021 daripada [http://eprints.utm.my/id/eprint/17876/1/Jurnal\\_UiTM-Keseimbangan\\_Personaliti\\_dan\\_Akademik\\_sebagai\\_Teras\\_Pembangunan\\_Modal\\_Insan.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/17876/1/Jurnal_UiTM-Keseimbangan_Personaliti_dan_Akademik_sebagai_Teras_Pembangunan_Modal_Insan.pdf)
- Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad. (2013). Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awalan. *Prosiding PERKEM VIII*, Jilid 1, 355-370.
- Norsaleha Mohd Salleh & Noor Hafizah Mohd Haridi. (2016). Konsep Kecerdasan Emosi Dalam Islam. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016 (IRSYAD2016).
- Nur Najihah Ismail & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. (2015). Al-Uswah Dalam Pendidikan Kerohanian: Satu Pendekatan Oleh Badiuzzaman Said Al-Nursi. *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*, 499-504.
- Saharia Ismail. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*, Vol. 8(2), 83-99.
- Syed Muhammad al-Naquib Al-Attas. (1977). Islam: Fahaman Agama dan Asas Akhlak. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Wan Jaffree Wan Sulaiman. (1987). Mujaddid Islam Sheikh Bediuzzaman Said Nursi. Ankara: Ihlas Nur Nesriyat.
- Wan Rashidah Hanim Wan Mohamad. (2015). Sketsa Pemikiran Badiuzzaman Said Nursi Dalam Metode Da'wah Bi Al-Kitaba: Analisis Kitab Risalah Al-Nur. *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*, 634-646.

- Zahir Zainudin. (2015). Pembangunan Sosial dan Kesejahteraan Negara. Diakses pada 24 Julai 2021 daripada <http://zahirzainudin.blogspot.com/2015/06/pembangunan-sosial-dan-kesejahteraan.html>
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2016). Irsyad Al-Hadith Siri Ke-150: Memanah, Berenang dan Berkuda. Diakses pada 24 Julai 2021 daripada <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/1042-irsyad-al-hadith-siri-ke-150-memanah-berenang-dan-berkuda>